

23 JUL 1998

Parlimen-KWSP

CARUMAN PEKERJA ASING KEPADA KSWP BERMULA 1 OGOS

KUALA LUMPUR, 23 Julai (Bernama) -- Mulai 1 Ogos ini, semua pekerja asing kecuali pembantu rumah, dikehendaki menyumbang 11 peratus daripada pendapatan mereka sebagai caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja manakala majikan disyaratkan menyumbang RM5 sebulan bagi setiap pekerja asing mereka.

Timbalan Menteri Kewangan Datuk Wong See Wah memberitahu Dewan Rakyat hari ini bahawa keputusan itu dibuat oleh kabinet pada mesyuarat mingguannya semalam.

Semasa menjawab soalan tambahan Datuk Lim Si Cheng (BN-Senai), beliau berkata pekerja asing terbabit dibenarkan mengeluarkan sepenuhnya caruman mereka apabila membuat keputusan pulang ke negara asal.

Kepada soalan asal Dr Yap Yit Thong (BN-Lumut), Wong berkata kerajaan Malaysia tidak mengetahui jumlah wang caruman pekerja Malaysia yang disimpan oleh Central Provident Fund (CPF) di Singapura.

Menurut beliau masalah berhubung sekatan pengeluaran caruman dalam CPF terhadap rakyat Malaysia dari Semenanjung telah dibangkitkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa lawatan Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong ke negara ini pada Februari lepas.

"Perdana Menteri Singapura telah menyatakan kesediaan menimbang permintaan Malaysia itu bagi membolehkan rakyat Malaysia mengeluarkan caruman mereka dalam CPF apabila meninggalkan negara itu walaupun belum mencapai umur 55 tahun," katanya.

Bagaimanapun, kata Wong, baru-baru ini pihak Singapura telah mengaitkan isu pengeluaran caruman CPF dengan pakej bekalan air mentah dari negara ini ke republik itu.

"Kerajaan Malaysia akan terus berunding dengan Singapura bagi menyelesaikan isu pengeluaran caruman itu," katanya.

-- BERNAMA

NY MAI